

ANTOLOGI PUISI KANDIL

Penulis:
KU HASNAN KU HALIM

e-mel:
hasnan@uthm.edu.my

Abstrak: Kumpulan puisi Kandil ini memuatkan 50 puisi yang dihasilkan dan selama ini tersimpan dalam kantung memori serta lakaran penulis. Puisi-puisi ini merakam dan mencatatkan sejumlah rentetan catatan tentang perjalanan yang sempat diabadikan oleh penulis lewat puisi yang mengungkapkan bukan sahaja beberapa peristiwa hidup yang ditempuhinya, tetapi juga beberapa sentuhan rasa terhadap peristiwa yang berlaku dalam masyarakat yang sedang menghadapi arus pembangunan bergandingan dengan amalan tradisional yang mulai melusuh dan melonggar oleh rayuan serta pujukan terhadap material yang sedang menyemarak. Apapun pendapat pembaca, Antologi ini setidak-tidaknya akan dapat merasakan bahawa dalam kehidupan yang penuh dengan mimpi pembangunan ini ada yang perlu diperhatikan. Manusia seharusnya tidak akan menjadi hamba kepada idealisme atau tidak menjadi manusia yang tidak punyai rasa serta jiwa.

Kata Kunci: Antologi, Melayu, kontemporari, kandil dan sastera

Antologi PUISI KANDIL

Pelita Jiwa

KU HASNAN KU HALIM


**Penerbit
UTHM**



Antologi
**PUISI
KANDIL**
Pelita Jiwa

KU HASNAN KU HALIM


**Penerbit
UTHM**
2025

©Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2025

Hak cipta terpelihara. Dilarang mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam sebarang bentuk elektronik, fotokopi mekanik, rakaman atau sebarang bentuk lain tanpa kebenaran bertulis daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Sebarang rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti.

Penulis:
Ku Hasnan Ku Halim

Diterbitkan oleh:
Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn
Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
Tel: 07-453 8529/ 8698

Dicetak oleh:
Attin Press Sdn. Bhd.
No 8, Jalan Perindustrian PP4,
Taman Perindustrian Putra
Permai,
43300 Seri Kembangan, Selangor.
No. Tel: 03-89390660

Laman Web: <http://penerbit.uthm.edu.my>
E-mel: pemasaran.uthm@gmail.com
<https://publisher.uthm.edu.my/omp/index.php/penerbituthm/index>

Penerbit UTHM adalah ahli
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-180-3

Isi Kandungan

<i>Kata Pengantar</i>	ix
<i>Seraut Suara Berkata</i>	xi

CATATAN	1
Puisi untuk Abah	2
Gurindam Aksara	5
Bisikan Hati Penyair	7
Yang Cacat dan Terhina	9
Epik Sebuah Merdeka	10
Selamat Tidur Pohon Warnanya Hijau	11
Kampung Raja Kampung Kami	12
Epilog Kehidupan	13
Peristiwa	14
Metafora Penyair	15

EPIK	17
Untuk Umat Manusia	18
Sumpah	19
Darah dan Tanah	20
Mesra Rasa	21
Restu	22
Sekuntum Bunga di Dunia Damai	23
Ilham	24
Barat dan Timur	25
Aku Seorang Penyair	26
Kawan	27

EPISOD	29
Buluh di Hujung Atap	30
Dari Kawan	31
Gadis Kecil Bermain Api	32
Kepada Manusia	33
Anak Berbaju Merah	34
Warna Antara Garisan	35
Pada Sekepal Tanah yang Indah	36
Di Bawah Bintang Mengerdip	37
Arah	38
Bara	39
 FRASA HIDUP	 41
Dalam Suatu Acara	42
Surat Ungu Liar di Api	43
Debar	45
Pertama dan Terakhir	46
Suara dan Bicara	47
Kota Harimau	48
Tidak Ku Peduli	50
Buku	51
Begitulah Mahunya	52
Jalan ke Syurga Dirikan Masjid	54
 WARKAH	 57
Resah	58
Nasi yang Ku Suap	59
Dendang Mak Inang	60
Seribu Harapan	61
Sejuta Impian	62
Memburu Cakerawala Nasib	63

Padang Ku Terluka dan Di Luka	64
Matinya Seorang Dalang Tua	65
Kepada Manusia Baru	66
Epilog Hidup	68
<i>Biografi</i>	69

Kata Pengantar



Syukur ke hadrat Allah swt atas limpah rahmat dan izin-Nya, buku Antologi Puisi KANDIL (Lampu Jiwa) dapat diterbitkan dengan jayanya. Buku ini merupakan sebuah karya yang istimewa, mengandungi 50 buah puisi hasil nukilan penyair. Ku Hasnan Ku Halim, seorang pemuitis dan penulis prolifik yang juga merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Setiap bait puisi yang terkandung dalam antologi ini bakal membawa para pembaca menyelami pelbagai estetika dimensi kehidupan, perjuangan, cinta, suka dan duka, kekeluargaan serta kemanusiaan. Melalui sentuhan kata yang penuh makna, penulis berjaya menterjemahkan

pengalaman dan emosi manusia kepada sebuah seni puitis yang indah dan mendalam.

Buku ini bukan sahaja mencerminkan sensitiviti entusiasti penulis terhadap isu-isu sejagat, malah turut menyerlahkan keupayaan puisi sebagai medium untuk menyentuh jiwa dan menyampaikan mesej yang penuh nilai. Ia juga menjadi sebuah ruang untuk pembaca merenung makna sebenar kehidupan, menghargai hubungan sesama insan dan merasai kekuatan cinta dalam pelbagai bentuknya.

Semoga Antologi Puisi Kandil (Lampu Jiwa) ini dapat memberikan manfaat kepada pembaca, mencetuskan inspirasi dan membuka ruang untuk apresiasi yang lebih mendalam terhadap dunia seni dan kesusasteraan sekaligus membugarkan rasa yang tinggi kepada simpati dan empati yang tinggi.

Selamat menikmati keindahan bait-bait puitis yang dihamparkan.

PROF. DATO' TS DR AHMAD MUJAHID AHMAD ZAIDI
TIMBALAN NAIB CANSOLOR
AKADEMIK DAN ANTARABANGSA
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)

Seraut Suara Berkata



Assalamualaikum wbt...

Alhamdulillah dan puji syukur ke hadrat Allah swt kerana rahmat dan hidayahnya penulis mampu menyelesaikan “ANTOLOGI PUISI KANDIL.”

Antologi ini menampilkan seuntai sejumlah 50 BUAH sajak. Sajak-sajak ini lahir dari rasa hati dan jiwa yang mencuba sebilang masa untuk menghadam memahami inspirasi dan naluri gelora tabula rasa kemanusiaan yang terdiri menyatu dalam kepelbagaian tema serta persoalan yang mendekat dengan diri penyajak. Ia

merangkumi kehidupan, perjuangan, derita dan hiba, suka dan duka, cinta, persekitaran rasa, melaksa nasional, melangit global, kasih, sunyi, sepi, kemanusiaan dan kekeluargaan serta simpati empati terhadap sesama insan.

Penulis hanya mampu melahirkan kata-kata agar ianya mampu dihadap dan dihayati malah penulis juga menyedari akan bahawa buku antologi puisi ini masih banyak yang perlu ditambah baiki untuk itu penulis amat berharap pembaca mampu menerima seadanya. Semoga usaha kecil yang tulus ini dapat menyemarakkan dunia puisi pertiwi dan meyakini bahawa puisi akan terus segar, membugar serta mekar di tanah berdaulat mahupun di kampus yang sentiasa hidup dengan warna-warni korpus keilmuan sarjananya. Setidaknya inilah buah tangan kecil penulis untuk kampus tercinta dan tanah air yang dikasihi. Segalanya digarap lakar melalui kata kata puitis estetika bersalut jutaan makna.

Akhir kata, dengan rasa rendah hati diucapkan jutaan terima kasih teramat bermakna bersandar harapan buku ini dapat memberikan manfaat terhadap pembaca dan dapatlah sedikit sebanyak menghibur ceria MINDA DALAMAN pembaca dalam membugarkan DERIA RASA simpati SEKALIGUS mengukir rasa empati diri dan sekitarnya.

KU HASNAN BIN KU HALIM (Pak Ku)

Catatan

PUISI UNTUK ABAH

(kandil pelita jiwa di setiap langkahku)

Abah....

Ku mencintai dan menyayangimu
Sepertimana aku melakukan hal sama kepada Ibu
Sepertimana aku dambakan syurga dan takut akan neraka
Kasihku padamu Abah
Dengan cahaya bertinta tinta bernyala nyala
Agar hati dan jiwa ini terang dari suram kegelapan
Membunuh langsung lahap dan fitnah dunia
Keringat dan peluhmu telah menjadi santapan pakaianmu
Pegal dan linu telah menjadi santapan perjuanganmu
Letih dan lesu sudah menjadi makananmu
Ku kagumi pengorbananmu jiwa juangmu
Semuanya kau lakukan demi kami anak-anakmu keluargamu
tidak terkecuali buat Ibu
Kau adalah gedung ilmu kehidupan
Kau adalah gedung pembelajaran
Sekumpulan ilmu yang berkumpul dengan mahal mahalnya
Yang harus dipraktikkan demi kelangsungan perjuangan
Kau pukul aku dengan cambuk nasihat teguran ingatan
Agar aku lebih bermakna dan memakna untuk keberadaan
aku
Kini
Sudah semakin menua kulitmu Abah
Tapi setiap kerut kulitmu adalah pengalaman sangat
berharga
Jemalamu lusuh dek pengalaman waktu
Namun membugar dek memori khazanah penentu

Epik

UNTUK UMAT MANUSIA

Ku insafi sekarang seharum mana damai berbunga
Bila api perang mulai semarak di hati dunia
Kenyataan ini selalu memburu di hadapan kita
Aduhai dunia seperti bulan sabit dinihari-hiba
Adateriakan sengaja tidak terdengar oleh hati
Suka agaknya kaluar dunia kemarau keamanan
Dan sejauh mana lagi persenjataan di gandai
Kalua sekadar untuk nafsu memburu keangkuhan
Untuk hidup pada satu keamanan abadi
Tiada tertunduk semua hati isi bumi
Kehausan untuk menghirup udara murni
Semakin hampir di rasakan di tengah kekacauan ini
Rasa terdedah segala arah ke neraka
Ya, neraka kah kecintaan umat manusia

Episod

BULUH DI HUJUNG ATAP



Sepulang di kamar
Di jalan retak dan merah
Bulan di hujung atap
Cahaya hidup yang tegap
Bayangan sampai ke dalam
Daerah yang ku cinta
Jernih dahinya menjelma

Cemerlang di musim datang
Kasih perseorangan

Bulan di hujung atap
Larut di pertengahan malam
Tumbang dan mati

Setiap di tempuh
Yang nanti dan mencari

Sekali hanya di lalui
Peninggalan harta bumi
Bintang dan hati

Frasa Hidup

DALAM SUATU ACARA

Lampu lampu isyarat telah di nyalakan
Dan semua orang telah duduk kembali
Sebentar lagi akan ada pidato penting
Sang penguasa akan berbicara
Dengan Bahasa Bahasa besar
Soal soal negara yang penting
Sementara sumpah setia dan ikrar bersatu di lafaskan
Di hadapan sang pemimpin
Seseorang tiba tiba batuk
Kerana batuknya tidak berhenti dan menjadi jadi
Lalu bidik kearahnya pistol serentak
dengan itu maka keamanan terjaga kembali
Dan acara pun berjalan dengan lancar semula
Selesai ikrar ikrar
Masing masing melihat tubuh yang kaku lesu
Sambal mengomel ngomel sendirian
Tadi
Sang pemimpin telah memberikan satu arahan yang keras
Anasir anasir jahat dan mungkar harus di curigai
Dan di tumpaskan dengan pasti
Tuntas dan pantas

Warkah

RESAH

Resah hatiku
Adalah resah banjaran titiwangsa pada waktu pagi
Dan memuntahkan belerang cintanya
Seorang kekasih atau seorang tercinta
Adalah kisah dukanya
Begitu pula resah hatinya
Kala menunggu pacarnya purnama
Di halaman merindu
Resah hati ku
Resahlah bicara bahasa bonda
Maka berkata
Resah dendamku resah
Resah debar ku resah
Resah ubun ubun ku resah
Resah diamku resah
Resah di jantung ku resah
Aku tenggelam
Lalu aku lemas
Tiba tiba resah berdiri
Dan menari-nari
Tanpa ada
Tanpa kaca
Sebuah figura
Sebuah nama
Pada kad nama yang usang
Resah tiba tiba bermalam
Dan tiba tiba resah ada
Di dalam mimpi ku

Biografi



Ku Hasnan Ku Halim giat aktif di dalam acara kegiatan sastra khususnya dalam acara mendeklamasikan puisi semenjak dari bangku persekolahan beliau sesehingga ke alam kampus dan alam kerjayanya. Pernah menyertai bidang Teater, Pantun dan Puisi di Kolej Kediaman di dalam kumpulan GRUP PEMUISI UKM. Pernah menerima Anugerah

Pejuang Sastra Kampung Siswa Dato' Onn selama tiga Penggal di Kamsis Dato Onn Universiti Kebangsaan Malaysia serta anugerah MAKUM (*Majlis Kebudayaan Universiti*) katagori Puisi. Dan seringkali menyertai acara jemputan baca puisi di negeri Johor seperti PUBARA dan kegiatan penulisan anjuran Persatuan Penulis Johor serta Dewan Bahasa Pustaka zon selatan selain aktif memenuhi acara mendeklamasikan puisi ciptaan tulisan beliau di dalam acara-acara rasmi Universiti dan Komuniti sastra sekitarnya. Giat aktif berpuisi dan menulis di dalam acara rasmi universiti dan komuniti sekitarnya selain pernah mendeklamasikan puisi di hadapan YTM Duli Tuanku Baginda Sultan Johor di dalam Majlis Acara Rasmi Pesta Konvokesyen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Membeda segar minatnya kepada

seni budaya dan sastera semenjak dari bangku sekolah. Mendeklamasikan puisi di hadapan YTM Duli Tuanku Baginda Sultan Negeri Kedah semasa Upacara pengistiharan Bandaraya Pelancungan Langkawi, Kedah Darul Aman.

Beliau menerima Anugerah Penerbitan pada tahun 2014 serta Anugerah Pengamal Media pada tahun 2017 daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Menerima Anugerah Taat Setia pada tahun 2013 dan selanjutnya Anugerah Bitara Kirana pada Tahun 2024 daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia serta turut menerima Anugerah Makalah Prosiding Terbaik dari Penerbit UTHM pada tahun yang sama daripada pihak Universiti. Beliau turut di senaraikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi sebagai Senarai Pakar Universiti Awam di dalam Bidang Sains Politik. Merupakan graduan Sarjana di dalam bidang Sains Politik dan Sosiologi Politik. Antara Buku Tulisan beliau secara berseorangan adalah buku Darjat Tidak Datang Bergolek, buku Bahtera Marhalah Bangsa, buku Metamorfosis Bangsa, buku Dimana Bumi Di Pijak Di Situ Langit Di Junjung, buku Di Bawah Kibaran 1 Bendera , buku Tegar Merdheka, buku Aksara Kenegaraan, buku Tegar Negara manakala menulis secara kolaborasi Buku Teks Kebangsaan Hubungan Etnik, , buku Kepimpinan Gemilang UTHM, buku Koleksi Rencana Merdeka, buku Tun Hussein Onn; buku Permata Menara Gading, buku Katameneh Ideologi Komunis, buku Matlamat Tidak Menghalalkan Cara, buku Inovasi Sosial; Pemangkin Pembangunan Lestari dan buku Komuniti Mampan Tonggak Malaysia Madani.

Berpengalaman di dalam bidang pendidikan selama 22 tahun. Sebagai Guru di Kementerian Pendidikan Malaysia untuk Program Matrikulasi, Eksekutif Kanan di KUB-ROC Malaysia, Pensyarah Akademik di ITAR , Tenaga Pengajar di Open University Malaysia (OUM) dan tenaga akademik di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Terlibat aktif di dalam pelbagai program Patriotisme dan Kenegaraan, Program Latihan Khidmat Negara, Pengembangan Ilmu Kenegaraan dan patriotisme melalui kegiatan beliau di Biro Tatanegara, terbabit aktif menulis buku teks Hubungan Etnik kebangsaan , memberikan kuliah dan ucapan akademik untuk bidang Patriostisme dan Kenegaraan Malaysia, bidang Tamadun serta Peradaban (TITAS), Kursus Penghayatan Etika serta Peradaban Malaysia dan juga Kursus Integriti serta Anti Rasuah (KIAR).

Ku Hasnan Ku Halim atau nama penanya **“Pak Ku”** adalah merupakan Tenaga Akademik (*Pensyarah Kanan*) di Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Berasal daripada Teratak Beras Terbakar Kampung Raja Mukim Padang Matsirat Langkawi Kedah Darul Aman. Telah berkhidmat di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia selama 22 Tahun.

Antologi PUI SI KANDIL

Pelita Jiwa

Kumpulan puisi Kandil ini memuatkan 50 puisi yang dihasilkan dan selama ini tersimpan dalam kantung memori serta lakaran penulis. Puisi-puisi ini merakam dan mencatatkan sejumlah rentetan catatan tentang perjalanan yang sempat diabadikan oleh penulis lewat puisi yang mengungkapkan bukan sahaja beberapa peristiwa hidup yang ditempuhinya, tetapi juga beberapa sentuhan rasa terhadap peristiwa yang berlaku dalam masyarakat yang sedang menghadapi arus pembangunan bergandingan dengan amalan tradisional yang mulai melusuh dan melonggar oleh rayuan serta pujukan terhadap material yang sedang menyemarak.

Apapun pendapat pembaca, Antologi ini setidak-tidaknya akan dapat merasakan bahawa dalam kehidupan yang penuh dengan mimpi pembangunan ini ada yang perlu diperhatikan. Manusia seharusnya tidak akan menjadi hamba kepada idealisme atau tidak menjadi manusia yang tidak punyai rasa serta jiwa.

